

09 JAN 1998

RIZAB ASING M'SIA MENCUKUPI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Malaysia mempunyai rizab asing yang mencukupi bagi membiayai keperluan serta pertumbuhan mapannya di tengah-tengah kemelut ekonomi sekarang tetapi langkah-langkah berikutnya masih perlu diambil bagi memperhebatkan rizab mata wang asingnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Beliau berkata dengan menambahkan rizab mata wang asing, negara akan berupaya menentang mereka yang melakukan serangan spekulasi terhadap ringgit, yang nilainya telah jatuh hampir 96 peratus berbanding dolar Amerika.

Sambil menyeru rakyat menaruh kepercayaan terhadap ketahanan ekonomi negara, perdana menteri berkata pendirian Malaysia untuk tidak meminta bantuan kewangan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) membuktikan kestabilan ekonomi negara.

Langkah-langkah memperhebatkan rizab termasuklah peningkatan eksport, mengurangkan import di mana perlu dan membeli ringgit, katanya dalam wawancara khas program Malaysia Hari Ini (MHI) terbitan TV3 hari ini.

Dr Mahathir yakin ekonomi negara boleh pulih secara sederhana dalam tempoh enam ke 12 bulan akan datang sekiranya rakyat lebih berkeyakinan terhadap nilai ringgit serta berusaha mengurangkan import dan meningkatkan tabungan.

Malaysia telah menyemak semula pertumbuhan ekonominya dari 7.0 peratus tahun ini, kepada antara 4.0 dan 5.0 peratus.

Dr Mahathir berkata petunjuk positif ekonomi seterusnya ialah hutang Malaysia yang tidak besar jumlahnya dan kedudukannya lebih teguh berbanding negara-negara lain kerana Malaysia telah menjelaskan sebahagian besar dari hutangnya lebih awal dari sepatutnya.

Ditanya sama ada Malaysia akhirnya akan meminta bantuan dari IMF, beliau berkata "jika kita meminta bantuan, kita tidak boleh mengawal ekonomi kita dan mendedahkan negara kepada penjajahan ekonomi dimana mereka akan membeli syarikat-syarikat dan bank-bank pada harga murah."

Memandangkan negara mempunyai rizab dan jaminan Bank Negara ke atas deposit, Perdana Menteri berkata rakyat perlu menyimpan wang mereka dalam bank-bank tempatan dan tidak memindahkannya ke bank-bank asing.

Jika ini berlaku, bank-bank tempatan terpaksa meminjam daripada bank-bank asing dan seterusnya akan memberi tekanan ke atas kadar faedah yang akan meningkat, mengakibatkan pinjaman menjadi lebih mahal.

Mengenai projek-projek yang akan ditangguhkan disebabkan kekurangan pembiayaan, beliau berkata sistem perbankan akan terus memberi pinjaman terhadap pelaburan yang produktif seperti industri-industri yang berorientasikan eksport yang dapat membantu membina rizab tukaran asing.

Ditanya mengenai kejatuhan harga saham, Perdana Menteri berpendapat bahawa terdapat banyak spekulasi di pasaran saham mengakibatkan harga-harga tidak menggambarkan aset syarikat.

Katanya para manipulator membeli saham dengan banyak dan apabila harga meningkat, mereka menjualnya hingga mengakibatkan harga jatuh.

Apabila harga saham jatuh, keyakinan pelabur terhadap syarikat akan berkurangan dan seterusnya lebih ramai pelabur yang akan menjual saham tersebut memikirkan harga akan jatuh lagi.

Menurutnya lagi, harga saham sekarang adalah lebih rendah dari aset sebenar syarikat dan inilah masanya untuk melabur semula di pasaran saham.

Menyentuh tentang dagangan Asean, Dr Mahathir berkata Malaysia

mempunyai perjanjian persefahaman dengan Asean untuk membantu satu sama lain.

Buat masa ini tumpuan adalah untuk mempertingkatkan dagangan di antara Asean memandangkan nilai mata wang negara masing-masing telah jatuh.

Jika barangan dibeli daripada negara jiran, perbelanjaannya tidak begitu tinggi dengan menggunakan mata wang masing-masing.

"Oleh itu kita tidak lagi perlu menentukan bekalan mata wang asing yang cukup untuk membeli," tambahnya lagi.

Malaysia juga mengadakan sistem pembayaran dua hala di mana jual-beli yang dilakukan antara dua negara ditanggung pembayarannya sehingga semua pembelian dan penjualan tersebut dijumlahkan.

Dengan ini, pembayaran yang akan dibuat adalah sedikit ataupun tiada langsung seperti yang dilakukan dalam dagangan "barter".

Contohnya, pembelian yang berjumlah RM1,000 dapat dilangsaikan dengan penjualan berjumlah RM1,000.

Beliau berkata perniagaan wang agak aneh kerana setiap kali sesuatu mata wang dijual, nilainya akan merosot.

Dan bagi Ringgit, bila ia dijual berkali-kali berbanding dolar Amerika Syarikat, nilainya jatuh sehingga negara menjadi lebih miskin.

Negara juga mengalami kemelesetan yang agak teruk pada pertengahan tahun 80-an tetapi nilai ringgit tidak jatuh menjadikan keadaan tersebut mudah dipulihkan.

Tekanan ke atas ekonomi sekarang menyebabkan pendapatan per kapita merosot kepada kurang dari AS\$3,000 berbanding AS\$5,000 sebelumnya.

Bagaimanapun Malaysia mempunyai cukup rizab untuk menampung keperluan negara dan tidak memerlukan bantuan IMF kerana asas-asas ekonomi negara adalah kukuh.

Dr Mahathir berkata dasar-dasar kerajaan selama ini adalah tidak meminjam dengan terlalu banyak dan pinjaman dibuat secara berhati-hati dan dibayar awal.

Beliau juga berkata oleh kerana asas-asas ekonomi bermula dari paras yang tinggi, negara masih boleh bertahan dengan keadaan yang meruncing sekarang.

Bagaimanapun jika serangan terhadap matawang datang bertalu-talu dan bertahun-tahun, asas-asas tadi mungkin merosot.

Oleh itu, beliau berkata rakyat harus bekerjasama dengan kerajaan supaya membuat sesuatu yang tidak mengancam asas-asas ekonomi malah dapat menampas asas-asas tadi serta menggunakan kesempatan yang ada untuk memulih semula ekonomi.

Oleh kerana asas-asas ekonomi adalah kukuh, negara tidak perlu pertolongan IMF dan lain-lain kerana ini akan mendedahkan negara kepada penjajahan ekonomi.

"Mereka ini akan membeli syarikat-syarikat dan bank-bank yang sekarang ini sahamnya sudah begitu murah ... kurang AS\$1 bagi saham-saham bank," katanya.

Jika saham-saham ini dapat dibeli dengan mudah dan pihak tersebut dapat menguasai bank-bank di negara ini, Malaysia tidak mungkin dapat mempertahankan asas-asas ekonominya. -- BERNAMA

SHO MA